

24 MAR 1999

MAJLIS PEGUAM DIMINTA TIDAK CAMPURI URUSAN PELANTIKAN HAKIM

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Majlis Peguam diingatkan supaya tidak mencampuri urusan pelantikan atau kenaikan pangkat para hakim kerana undang-undang dan prosedur pelantikan hakim ke mahkamah termaktub dalam perlembagaan persekutuan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali hari ini berkata anggota Majlis Peguam harus membaca peruntukan yang berkaitan dalam perlembagaan persekutuan daripada mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya merujuk kepada mereka sebelum melantik mana-mana hakim.

"Peguam patut menyedari bahawa apa yang dilakukan di luar peruntukan perlembagaan negara akan menyebabkan pelantikan diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah," katanya ketika ditemui selepas mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir ke Makkah di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Ibrahim berkata demikian ketika diminta mengulas satu daripada resolusi yang diluluskan pada mesyuarat agung tahunan Majlis Peguam Sabtu lepas.

Majlis Peguam antara lain meminta siasatan rasmi oleh Suruhanjaya Bebas Diraja bagi menyiasat perbuatan tidak sopan badan kehakiman menakut-nakutkan peguam melalui kuasa penghinaan serta pelantikan dan perpindahan para hakim.

Ibrahim berkata kerajaan menyedari bahawa memecat hakim daripada jawatannya memerlukan prosedur yang ketat dan bagi memastikan orang yang layak dilantik ke mahkamah yang lebih tinggi, mereka mesti dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sekurang-kurangnya untuk tempoh dua tahun.

-- BERNAMA
ARA LAT RON